

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA  
MOHAMAD IMRAN BIN  
ABD HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 19.3 2014  
(RABU)**

**SOALAN :**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bilakah kursus *Standard of Training, Certification and Watchkeeping (STCW)* akan dilaksanakan oleh PERHEBAT secara terus menerus yang akan tamat perkhidmatan samada selepas 13, 15, 18 atau 21 tahun bagi melayakkan mereka mengisi jawatan dalam kapal dagang.**

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pada masa ini latihan/kursus *Standard of Training, Certification and Watchkeeping* (STCW) tidak dijalankan oleh Perbadanan Hal Ehwal Angkatan Tentera (PERHEBAT) disebabkan kekangan kewangan dan ketiadaan tenaga mahir selain jumlah permohonan untuk kursus berkenaan secara relatifnya adalah kecil. Pada masa ini pelaksanaan kursus STCW dijalankan dengan kerjasama beberapa syarikat yang diiktiraf oleh Jabatan Laut dan telah dilantik sebagai Panel Penyedia Latihan PERHEBAT. Penajaan bagi kursus ini adalah berdasarkan permohonan di mana proses saringan yang ketat dijalankan bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar berhasrat untuk bekerja di kapal dagang diluluskan untuk tajaan.**